



PERSATUAN SISWAZAH WANITA MALAYSIA

Aras 17, Wisma R & D, Universiti Malaya
Jalan Pantai Baharu
59990 Kuala Lumpur
(Tel: 012-2800882/013-2016012)

Tarikh : 13 Julai 2020

YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Wahab bin Mohammad, FASc
Timbalan Naib Canselor, Hal-Ehwal Penyelidikan & Inovasi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi

Assalamualaikum YBhg. Prof. Dato'

Perkara: Anugerah Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (APSWM)

Saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bermula pada tahun 2020, Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM), sebuah badan bukan kerajaan/*NGO* (sudilah rujuk risalah Mengenai PSWM yang disertakan bersama ini), menawarkan satu anugerah bernilai RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu sahaja) kepada calon-calon ijazah Sarjana bagi membantu mereka menjalankan penyelidikan yang membawa kepada penulisan tesis untuk Ijazah Sarjana.

3. Nama anugerah tersebut ialah **Anugerah Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (APSWM)**. Maklumat lanjut tentang anugerah ini serta borang permohonan dilampirkan, yang juga dimuat naik dalam laman sesawang PSWM (www.pswm.org).

4. Kami telah mengiklan anugerah ini pada bulan Mac 2020 semasa PKP/MCO baru dilaksanakan. Memandangkan respons daripada pemohon agak tidak menggalakkan, maka kami membukakan iklan ini semula.

5. Sehubungan dengan itu, saya memohon jasa baik YBhg. Prof. Dato' untuk menyampaikan maklumat ini kepada Dekan Fakulti/Pusat-pusat Pengajian Sastera dan Sains Sosial serta Kemanusiaan untuk dilanjutkan kepada pelajar-pelajar mereka. Tarikh tutup ialah 14 September 2020.

6. Sekian, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Salam Hormat

(DATIN FAUZIAH MOHD. RAMLY)
Yang Dipertua